



**UNTUK SIARAN SEGERA**

**PELAJAR CEMERLANG SPM NEGERI KEDAH TERIMA KOMPUTER RIBA  
SUMBANGAN MIDF**

**Sungai Petani, 24 April 2019** – Tiga murid yang menerima keputusan SPM cemerlang pada tahun 2019 di Sungai Petani, Kedah telah menerima komputer riba sumbangan Malaysian Industrial Development Finance Berhad (MIDF) setiap seorang di Majlis Minggu Saham Amanah Malaysia (MSAM) awal hari ini.

Sumbangan komputer riba tersebut diserahkan secara rasmi kepada para penerima oleh Ahmad Farouk Bin Mohamed, Ketua Jabatan Pengarah Urusan MIDF dan Abdul Malek Bin Abdul Hafiz Ketua Korporat Kumpulan MIDF.

Pelajar-pelajar yang menerima komputer riba tersebut adalah Nu'man Bin Abdul Jamil, dengan keputusan SPM 11A dari SMK Maktab Mahmud Alor Setar, Ng Woon Yee, juga 11A, pelajar SMK Sin Min Sungai Petani dan Aswinder Singh Punn A/L Maninder Singh, 10A, SMK Sultan Badlishah Kulim. Ketiga anak muda ini mempamerkan personaliti yang menarik, bercita-cita tinggi serta berazam menggunakan keputusan SPM cemerlang mereka sebagai batu loncatan untuk mencapai kejayaan yang lebih besar.

Penyerahan komputer riba kepada pelajar-pelajar cemerlang ini merupakan antara inisiatif tanggungjawab sosial korporat MIDF (CSR) yang berlandaskan pendidikan. MIDF telah melaksanakan pelbagai program bagi manfaat pelajar terutamanya pelajar dari golongan asnaf dan fakir miskin. Sempena Minggu Saham Amanah Malaysia 2019 (MSAM) yang berakhir pada 25 April di Sungai Petani, MIDF juga telah menganjurkan Klinik UPSR pada 22 dan 23 April 2019 bertempat di Dewan Serbaguna, Sungai Petani. Seramai 200 pelajar dari 50 buah sekolah di sekitar daerah Kuala Muda/Yan telah menyertai Klinik UPSR tersebut.

“Pemberian bantuan ini bertujuan meringankan beban perbelanjaan permulaan semester yang perlu ditanggung ibu bapa. Kami di MIDF berharap dapat meneruskan sumbangan seperti ini pada masa akan datang dari segi bantuan untuk kecermelangan dan aktiviti mereka di universiti,” kata Dato’ Charon Mokhzani, Pengarah Urusan Kumpulan MIDF.

MIDF pernah menyumbang komputer riba kepada pelajar terbaik SPM sempena MSAM di beberapa buah negeri sebelum ini antaranya di Kelantan pada tahun 2014, di Tapah, Perak pada tahun 2016, di Temerloh pada tahun 2017, dan di Batu Pahat, Johor pada tahun 2018.

###

#### **Mengenai MIDF**

MIDF ditubuhkan pada tahun 1960 sebagai hasil daripada kajian oleh Bank Dunia. MIDF adalah institusi pembangunan utama negara dan telah memainkan peranan penting dalam mempercepatkan pembangunan dan pemodenan industri perkilangan negara.

MIDF kini menawarkan pelbagai perkhidmatan kewangan yang berdaya saing termasuk Perbankan Pelaburan, Kewangan Pembangunan dan Pengurusan Aset.

MIDF merupakan anak syarikat milik penuh Permodalan Nasional Berhad.

#### **Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:**

##### **Irmawati Mahamad Tahir**

Ketua Komunikasi Korporat Kumpulan

Tel: (03) 2173 8756

Faks: (03) 2173 8499

HP: (012) 492 3707

Emel: [irmawati@midf.com.my](mailto:irmawati@midf.com.my)

##### **Farrash Hasbollah**

Associate Director, Komunikasi Korporat Kumpulan

Tel: (03) 2772 8756

Faks: (03) 2173 8499

HP: (019) 661 3535

Emel: [farrash@midf.com.my](mailto:farrash@midf.com.my)

**Noorfazilah Rebatin**

Eksekutif Komunikasi Korporat Kumpulan

Tel: (03) 2772 8753

Faks: (03) 2173 8499

HP: (017) 2300 943

Emel: [noorfazilah@midf.com.my](mailto:noorfazilah@midf.com.my)